

23/08/2002

Polis halang tokoh Pas baca khutbah untuk elak pergaduhan

MARANG, Khamis - Polis terpaksa menghalang Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, Datuk Hussain Awang daripada membaca khutbah di Kampung Losong Haji Mohd Shafie, Jumaat lalu bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Ketua Polis Negeri, Senior Asisten Komisioner I Othman Talib, berkata polis terpaksa mengambil tindakan awal selepas menerima maklumat pergaduhan mungkin berlaku jika Hussain membaca khutbah yang maklumnya termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tindakan polis bukan untuk mencabar atau cuba campur tangan urusan pentadbiran kerajaan negeri dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), tetapi ketenteraman awam perlu diutamakan," katanya kepada Berita Harian.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan polis oleh ahli kariah masjid, Jaafar Omar yang mendakwa sekumpulan anggota polis menghalang Hussain daripada menjalankan tugasnya sebagai khatib tamu di masjid itu, pada hari kejadian.

Dalam laporan itu, Jaafar mendakwa Hussain ditugaskan JHEAT untuk menjadi imam dan membaca khutbah di masjid itu.

Othman berkata, walaupun semua masjid ditadbir kerajaan negeri dan JHEAT, polis terpaksa bertindak jika menerima laporan kekacauan mungkin berlaku bagi mengelakkan kejadian buruk.

Mengenai laporan Jaafar, beliau berkata, polis masih menjalankan siasatan mengikut Seksyen 296 Kanun Keseksaan, iaitu mengganggu perhimpunan bersembahyang.

Othman berkata, polis akan memanggil semua pihak, termasuk anggota pasukan keselamatan yang bertugas di masjid berkenaan untuk memberi keterangan.

Mengikut seksyen itu, sesiapa dengan sengaja menyebabkan gangguan kepada mana-mana perhimpunan sembahyang atau upacara agama boleh dipenjarakan setahun atau denda atau kedua-duanya.